

SIARAN MEDIA

ARTIS BBNU SEMARAKKAN KONSERT GEGAR KEMBARA MUZIK TRADISIONAL

KUALA LUMPUR, 10 Oktober 2023 – Konsert Gegar Kembara Muzik Tradisional Malaysia anjuran Istana Budaya bersama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bakal menampilkan artis-artis baharu atau '*Budak Baru Nak Up*' (BBNU) dengan mempersembahkan lagu-lagu terkini gubahan genre muzik orkestra tradisional antaranya seperti Kembali Terang, Casablanca dan Kalam.

Artis-artis jemputan dan BBNU yang bakal menyerlahkan keunikan persembahan berbentuk muzik tradisional ini antaranya adalah **Shiha Zikir, Nadeera Zaini, Putera Muhammad** vokalis kumpulan MADAM dan dua orang alumni UKM yang sedang meningkat naik iaitu **Hariz Fayahet** dan **Nurul Syafiqah**.

Konsert berskala mega ini diterajui oleh Orkestra Tradisional Malaysia (OTM) dan turut menampilkan persembahan tarian tradisional oleh Artistana Istana Budaya serta dimeriahkan lagi dengan Artisukma UKM, Kumpulan Dikir Barat, Kumpulan Koir dan Ensemble Cak Lempung oleh mahasiswa UKM sendiri.

En. Yazid Zakaria selaku Pengarah Muzik/ Konduktor OTM menyatakan “bagi mengangkat muzik tradisional ke tahap cemerlang, kita berusaha untuk mendekati pelbagai lapisan masyarakat khususnya generasi muda melalui persembahan dan nyanyian oleh artis BBNU agar terus diminati, dihargai dan tidak ditelan zaman.”

Konsert Gegar Kembara Muzik Tradisional di UKM ini merupakan salah satu Program Jangkauan OTM: *Sounds of Malaysia* yang merupakan kesinambungan jalinan kerjasama strategik Istana Budaya bersama IPTA/IPTS seperti Management and Science University (MSU) yang telah berlangsung pada 23 dan 24 Mei 2023, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) pada 24 Jun 2023 dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam bakal dipersembahkan pada 11 November 2023.

Warga kampus dan awam dijemput hadir untuk memeriahkan lagi konsert ini dan menyaksikan artis-artis mempersembahkan keunikan lagu terkini dalam bentuk muzik orkestra tradisional pada **14 Oktober 2023 (Sabtu) bermula jam 8:00 malam bertempat di Dewan Canselor Tun Abdul Razak (DECTAR) UKM, Bangi.**

Tiket persembahan dijual dengan harga *flat rate* RAHMAH serendah RM11.50 sahaja. Tiket **Konsert Gegar Kembara Muzik Tradisional Malaysia** telah mula dijual pada 5 Oktober 2023 dan hanya boleh didapati di portal <https://www.ticket2u.com.my/>

**Unit Perhubungan Awam
ISTANA BUDAYA**

Tel: 03-4026 5555 Fax: 03-4025 5975

Website: www.istanabudaya.gov.my E-mel: info@istanabudaya.gov.my

Facebook, Instagram: @istanabudaya & TikTok: @istanabudayaofficial